

Media Title

: Berita Harian

Headline

: Kes 'scam' yang dilaporkan pada 2023

Date

: 25 May 2023

Section

: Nasional

Page

: 5



## Kes 'scam' yang dilaporkan pada 2023

### 8 Januari 2023

Seorang pensyarah wanita institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Johor kerugian RM1.3 juta selepas diperdaya individu menyamar pegawai polis yang mendakwa mangsa terbabit aktiviti pengubahan wang haram dan dadah.

### 17 Januari 2023

Seorang warga emas berusia 66 tahun di Manjung, kerugian RM140,000 selepas menjadi mangsa sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis.

### 20 Januari 2023

Seorang jurutera berusia 45 tahun di Pulau Pinang kerugian RM2.9 juta selepas menjadi mangsa penipuan Macau Scam, selepas diperdaya menerima bungkusan barang terlarang.

### 24 Februari 2023

Seorang guru wanita berusia 53 tahun di Kuantan kerugian RM58,200 akibat terperdaya dengan sindiket Macau Scam, yang mendakwa mangsa terbabit pengedaran barang terlarang dan kes pengubahan wang haram.

### 4 April 2023

Seorang guru wanita di Alor Gajah, yang melabur wang lebih RM78,000 hanya menerima pulangan RM46 selepas diperdaya sindiket 'Job Scam', yang menawarkan pekerjaan tidak wujud secara dalam talian.

### 5 April 2023

Dua beradik, masing-masing guru dan pesara swasta di Terengganu, kerugian RM658,000 akibat jenayah scam panggilan telefon selepas diperdaya bahawa maklumat diri mangsa disalahgunakan dalam pengubahan wang haram dan dadah.

### 5 April 2023

Seorang pesara guru wanita berusia 59 tahun di Perak, kerugian lebih RM500,000, selepas terpedaya dengan scam panggilan telefon, yang kononnya dari syarikat insurans.

### 13 April 2023

Seorang pemain video dalam talian di Kuala Lumpur kehilangan wang simpanan hampir RM96,000 selepas menjadi mangsa penipuan 'phone scam'.

### 13 April 2023

Seorang wanita berusia 60an di Sibu, kerugian RM526,400 selepas terpedaya dengan iklan jam tangan mewah jenama Rolex yang dijual pada harga murah di media sosial.

### 11 Mei 2023

Seorang penjawat awam wanita di Johor kerugian RM73,000 selepas diperdaya sindiket penipuan 'phone scam', yang mendakwa dia mempunyai tunggakan cukai dan terbabit dalam pengubahan wang haram.